

06 OCT 2003

Khalil-Pameran

PAMERAN FOTO DR MAHATHIR TURUT TERIMA TEMPAHAN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negawaran" yang mempamerkan sebanyak 1,000 keping gambarnya dalam pelbagai aksi, mood serta suasana, bukan sahaja mendapat pujian tetapi juga tempahan daripada tetamu-tetamu khas pameran itu hari ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata pameran gambar-gambar yang meliputi 22 tahun Dr Mahathir menyandang jawatan Perdana Menteri yang dirakamkan oleh jurugambar profesional media tempatan itu berkualiti tinggi dan menarik banyak peminat.

Malah gambar-gambar yang dipamerkan dalam bentuk "art canvas" yang dicetak secara digital, iaitu satu teknik khusus memastikan gambar-gambar itu lebih jelas dan berkualiti, membuatkan gambar-gambar itu lebih menarik, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara perasmian pameran itu oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di sini hari ini.

Pameran itu yang dianjurkan oleh media Malaysia terdiri dari akhbar, stesen televisyen, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) serta Kementerian Penerangan dengan kerjasama BSLN sebagai tanda penghargaan kepada Dr Mahathir yang sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri terkenal sebagai mesra media.

Khalil, yang mengilhamkan pameran itu serta penaung projek itu berkata Dr Mahathir dijangka melawat pameran itu sekembalinya dari luar negara.

Anak Dr Mahathir, Mokhzani mewakili bapanya pada majlis itu hari ini.

Menyentuh sama ada pameran itu akan dibawa ke negeri-negeri terutama ke Sabah dan Sarawak, Khalil berkata ianya bergantung kepada sambutan pameran itu di BSLN yang akan memakan masa selama dua bulan iaitu sehingga 6 Dis depan.

Pameran itu yang merakamkan Dr Mahathir sebagai seorang negarawan, pemimpin serta insan biasa turut menyelit "candid shot" beliau bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang begitu mesra, serta beberapa gambar bersama keluarganya.

Selain itu, gambar-gambar beliau bersama empat timbalannya, iaitu Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut dipamerkan.

Pameran itu akan dibuka secara percuma kepada orang ramai mulai esok dari jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari.

-- BERNAMA

HK AHH ROS